

**Menerima Ganjaran Kingdom Kristus
yang Merupakan Mahkota Keadilbenaran**

Bacaan Bible: 2 Tim. 4:7-8, 18; 3:2-5; 1 Kor. 9:25; Flp. 3:9; Mzm. 45:13-14

- I. Bagi kita menikmati Kristus sebagai ganjaran kingdom kita, kita harus mengasihi penampilan Tuan, iaitu penampilan dan manifestasi diri-Nya kepada kita hari ini dan hadirat-Nya bersama dengan umat-Nya pada kedatangan kedua-Nya, dengan kekal berada di jalan yang sempit, berjaga-jaga dalam hayat dan setia dalam pelayanan untuk dikonstitusikan menjadi pengantin perempuan Kristus—2 Tim. 4:7-8; Kis. 26:16; Roma 8:19; 1 Tes. 5:23; 2 Tes. 1:10; Yoh. 14:21, 23; Mat. 7:13-14; 24:3, 45-51; 25:9, 13, 21:**
- A. Mengasihi penampilan Tuan dan mengasihi Tuan sendiri tidak dapat dipisahkan—1 Kor. 2:9; 2 Tim. 4:8; Yoh. 14:21.
 - B. Dalam gambaran nubuat yang dibentangkan dalam 2 Timotius 3:2-5 tentang Kristianiti yang mundur, empat jenis pencinta yang khusus disebut: pencinta diri, pencinta wang, pencinta keseronokan, dan pencinta Tuhan; apa sahaja yang dicintai seseorang, pada benda itulah segenap hatinya, malah seluruh dirinya ditempatkan, diduduki dan dimiliki; ini amat penting!
 - C. Sama ada gereja akan mempunyai hari kemuliaan dalam kemenangan atau hari-hari yang menyedihkan disebabkan kemunduran gereja, semuanya bergantung pada pencinta jenis apa kita ini; sejarah memberitahu kita bahawa akar kemunduran gereja ialah kehilangan kasih pertamanya terhadap Tuan—Wahi 2:4.
 - D. Untuk mengekalkan standard kemenangan bagi gereja, kita harus menjadi pencinta Tuhan demi penggenapan ekonomi Tuhan; Tuan telah berjanji untuk memberikan mahkota hayat dan warisan kingdom kepada orang yang mengasihi-Nya—Yak. 1:12; 2:5.
 - E. Mahkota yang tidak boleh korup merupakan simbol kemuliaan dan kecantikan yang diberikan sebagai hadiah, sebagai tambahan kepada penyelamatan Tuan, kepada pelari yang menang dalam perlumbaan Kristian—1 Kor. 9:25; 1 Ptr. 5:4; Yes. 28:5:
 - 1. Hadiah ini tidak seperti penyelamatan yang berasal daripada kurnia dan melalui iktikad (Ef. 2:8), tetapi berasaskan keadilan menerusi kerja-kerja (Mat. 16:27; Wahi 22:12; 2 Kor. 5:10).
 - 2. Mahkota keadilan akan dianugerahkan bukan menurut kurnia Tuan tetapi menurut keadilan-Nya, dan Dia yang memberikan ganjaran ialah Tuan sebagai Hakim yang adilbenar—2 Tim. 4:8.
- II. Untuk dianugerahkan dengan Kristus sebagai mahkota keadilanbenaran kita pada zaman akan datang, kita harus mengalami dan menikmati Dia sebagai keadilanbenaran subjektif kita yang dihidup keluar pada zaman ini—Flp. 3:9:**
- A. Kristus menjadi keadilanbenaran percayawan mempunyai dua aspek:
 - 1. Kristus ialah keadilanbenaran objektif kita agar kita dijustifikasikan di hadapan Tuhan semasa kita bertaubat kepada Tuhan dan percaya ke dalam Kristus—Roma 3:24-26; Kis. 13:39; Gal. 3:24b, 27.
 - 2. Kristus juga ialah keadilanbenaran subjektif kita sebagai penghidupan keluar dan ekspresi sejati Kristus, iaitu keadaan yang melangkaui yang mengeks-presikan Tuhan dengan berhidupkan Kristus—Flp. 3:9; 1:21a.
 - B. Dua aspek keadilanbenaran ini ditamsilkan oleh dua pakaian ratu dalam Mazmur 45:13-14:
 - 1. Satu pakaian sejajar dengan keadilanbenaran objektif, untuk penyelamatan kita—“pakaiannya tenunan benang emas”—ay. 13b:
 - a. Ini menandakan bahawa Kristus yang telah ditanggulangi menerusi banyak

- penderitaan serta menerusi kematian dan kebangkitan untuk menjadi keadilan gereja bagi memenuhi tuntutan adilbenar Tuhan agar gereja dapat dijustifikasikan di hadapan Tuhan—1 Kor. 1:30; Luk. 15:22; Yer. 23:6.
- b. Dia ditutupi dengan emas menandakan gereja diperlihatkan dalam sifat divin—Mzm. 45:9b; 2 Ptr. 1:4.
2. Pakaian yang satu lagi sejajar dengan keadilanbenaran subjektif, untuk kemenangan kita—“dia akan dipimpin kepada Raja dengan pakaian bersulam”—Mzm. 45:14a; bd. Wahi 19:8; Mat. 22:11-12:
 - a. Percayawan yang jayeng ialah ratu korporat Kristus, mengambil Kristus sebagai kediaman diraja agar mereka didapati berada dalam Kristus dan agar Dia menjadi keadilanbenaran subjektif mereka—Mzm. 45:13a; Yoh. 15:4a.
 - b. Pakaian bersulam ini, iaitu pakaian yang satu lagi, lapisan kedua penutupnya, menandakan bahawa gereja akan dipimpin kepada Kristus dalam perkahwinan mereka dengan berpakaian keadilanbenaran-keadilanbenaran pekudus untuk memenuhi tuntutan Kristus supaya mereka dapat berkahwin—Wahi 19:8.
 - c. Pakaian bersulam ialah Kristus yang subjektif ditenun ke dalam perwatakan kita, disulam ke dalam apanya kita, untuk menjadi keadilanbenaran kita yang dihidup keluar.
 - d. Penyulaman ini menandakan kerja transformasi Roh Kudus, yang bekerja hari demi hari untuk menyulam Kristus ke dalam kita jahitan demi jahitan untuk menjadi pakaian perkahwinan kita.
 - e. Gereja yang dipulihkan namun jatuh lagi perlu membayar harga untuk berhidupkan Kristus sebagai keadilanbenaran subjektifnya agar dia dapat memakai Kristus sebagai gerak lakunya yang dapat diujiluluskan Tuhan—3:18.

III. “Tuan akan...menyelamatkan aku ke dalam kingdom syurgawi-Nya”—2 Tim. 4:18:

- A. Kingdom syurgawi, yang bersamaan dengan mahkota keadilanbenaran, ialah “kingdom Bapa mereka” (Mat. 13:43), “kingdom Bapa-Ku” (26:29), “kingdom Kristus dan Tuhan” (Ef. 5:5), dan “kingdom abadi Tuan kita dan Penyelamat Yesus Kristus” (2 Ptr. 1:11), yang akan menjadi ganjaran kepada para pekudus yang jayeng (Wahi 20:4).
- B. Percayawan yang jayeng akan berbahagian dalam kingdom syurgawi, yakni manifestasi kingdom syurga-syurga—Mat. 7:21:
 1. Sebagai “orang adilbenar”, yakni anak kingdom, pejayeng akan bersinar seperti matahari dalam kingdom Bapa mereka—13:43.
 2. Dalam kingdom syurgawi, pejayeng akan minum cawan waadah baru sekali lagi bersama dengan Tuan mereka—26:29.
 3. Dalam kingdom Bapa mereka, percayawan yang jayeng akan makan jamuan bersama dengan pejayeng Wasiat Lama—8:11.
 4. Bagi pejayeng, kingdom syurgawi akan menjadi warisan yang meriangkan—1 Kor. 6:9-10.
 5. Dalam kingdom syurgawi, pejayeng akan mewarisi hayat abadi, dengan itu mempunyai kenikmatan penuh terhadap hayat divin—Luk. 18:29-30.
 6. Dalam kingdom syurgawi, pejayeng akan masuk ke dalam kegembiraan Tuan, dengan itu memperoleh sukma mereka, menyelamatkan sukma mereka, dan menikmati penyelamatan sukma mereka—Mat. 10:39; 16:25-26; 25:21, 23; Luk. 9:24; Ibr. 10:39; 1 Ptr. 1:5, 9.
 7. Dalam kingdom syurgawi, percayawan yang jayeng akan meraja bersama dengan Kristus dan memerintah bangsa-bangsa—Wahi 20:4; 2:26-27.